

12/01/2003

Isu pendidikan: Bahagian satu memilih jalan yang tidak popular

It is sad to admit but own up we must, that Malaysian education is a mess of conflicting interests and competing aims. The national agenda has suffered as a result.

- Abdullah Ahmad

DALAM bahagian pertama siri tulisan mengenai pendidikan - 20 Mei 2002 - saya menyarankan agar keseluruhan sistem atau dasar pendidikan kita dikaji

semula. Saya menyebut khusus tentang Sekolah Agama Rakyat yang terbiar, yang menyebabkan ratusan ribu anak bangsa kita terus menjadi korban.

Saya tegaskan, kita tidak boleh lagi melihat dan menyelesaikan masalah pendidikan secara cebis-cebisan untuk memenuhi tuntutan semasa. Isu pendidikan tidak boleh diselesaikan seperti isu politik.

Alhamdulillah, pada 29 November lalu, Perdana Menteri mengumumkan kerajaan akan mengkaji semula "sistem persekolahan" (school system) untuk tujuan mempertingkatkan mutu pendidikan dan memastikan ia mematuhi Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Keputusan ini tentulah bukan kerana saranan saya itu, kerana masalah ini

sudah lama beliau fikirkan. Beberapa perubahan mengejut-sensitif-kontroversi telah pun diumumkan dalam tahun lalu. Dan Perdana Menteri sendiri akan mempengerusikan jawatankuasa pengkaji itu, menunjukkan betapa

penting dan seriusnya isu ini. Dan beliau merancang akan menyelesaikan kerja berat dan sensitif ini sebelum meletak jawatan bulan Oktober nanti.

Semenjak pengumuman itu - sudah satu setengah bulan - saya belum lihat pemerhatian atau reaksi daripada tokoh-tokoh atau pertubuhan-pertubuhan Melayu. Tidak seperti isu meritokrasi, kuota IPTA, pengajaran sains dan matematik dan SAR, yang cepat sekali melantun pelbagai reaksi pro dan kontra.

Pengaruh suasana dan demam serta hiruk-pikuk politik semasa

Nampaknya isu-isu pokok yang berat dan memerlukan penelitian dan tidak boleh dijadikan isu politik-segera tidak menarik perhatian. Kita, seperti terlalu amat dipengaruhi oleh suasana, demam dan hiruk-pikuk gendang politik semasa.

Pada tahun 60-an dan 70-an, isu pendidikan selalu mendapat perhatian serius daripada tokoh-tokoh dan pertubuhan Melayu, terutama persatuan guru, penulis dan masyarakat universiti. Mereka membuat kajian dan seminar dan mengemukakan memorandum yang serius dan terperinci daripada kerajaan.

Mengapa kali ini tidak? Apakah kerana tidak penting? Atau diserahkan kepada kerajaan saja? Atau menunggu hasil kerja jawatankuasa itu, baru kita hendak memberikan pendapat dan cadangan? Atau kerana sudah hidup lumayan, kita tak perlu bersusah-susah mencari beban lagi. Atau kita

sudah

jadi tidak kisah lagi.

Abdullah Ahmad telah memberi pandangannya dalam New Straits Times, 4 Disember 2002. Dan Tan Sri Murad Mohamad Noor, telah mengemukakan pandangan yang bernas dalam wawancara Mingguan Malaysia, 8 Disember lalu.

Abdullah Ahmad memulakan tulisannya: "Let me use George Orwell's example

and begin this column with an arresting generalisation: Malaysian education is a mess." (Pendidikan Malaysia kacau bilau)

Tulisan ini diakhiri dengan kesimpulan: "It is sad to admit but own up we must, that Malaysian education is a mess of conflicting interests and competing aims. The national agenda has suffered as a result.

"The politics of education which preaches racial or religious exclusion

has no place in a multi-racial Malaysian society. We must stop the rot now

or forever keep our peace." Soalnya bagaimana caranya?

Apakah yang hendak dikaji dan apa pula yang perlu diubah?

Menurut Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin: Jawatankuasa khas itu ditubuhkan "bagi mengkaji keseluruhan sistem sekolah kebangsaan".

Perdana Menteri mengumumkan: "We will study the entire system because we have deviated from the original system."

Dr Mahathir juga mengatakan: Sistem sekolah agama yang berbeza-beza, yang ditadbirkan oleh kerajaan negeri, Sekolah Agama Rakyat dan badan-badan swasta (ada juga Sekolah Menengah Agama yang ditadbirkan oleh Kementerian Pendidikan - penulis) "did not augur well for the social and educational development of children"

Tegasnya: Kita akan memastikan agar sekolah kebangsaan akan jadi institusi yang diselenggarakan menurut dasar dan tidak dirosakkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Jelaslah, matlamat kajian itu ialah mengenai kedudukan dan perjalanan 'Sekolah Kebangsaan' dan 'Sekolah Agama'. (Sekolah-sekolah swasta bukan agama yang juga pesat berkembang, tidak disebut. Diharapkan ia juga akan termasuk dalam kajian).

Dua aspek yang hendak dikaji ialah mutu pendidikan (quality education) dan pembangunan sosial dan pendidikan (social and educational development).

Aspek mutu dan kualiti, secara relatif lebih mudah ditangani.

Masalahnya

jelas dan hanya membabitkan aspek ilmu dan ketrampilan. Lebih akademik sifatnya. Ia membabitkan sukatan pelajaran, peralatan, guru dan kaedah mengajar. Seharusnya tidak akan menimbulkan kontroversi atau jadi mainan politik.

Yang penting, kita sanggup berterus-terang: Mengapa mutu pendidikan sekolah kebangsaan, yang asalnya Sekolah Melayu, tidak sedarjat dengan sekolah kebangsaan, yang asalnya Sekolah Inggeris? Mengapa sekolah kebangsaan dalam zaman merdeka masih jadi sekolah kelas dua, seperti Sekolah Melayu dalam zaman penjajahan?

Pertanyaan ini perlu diberi jawapan yang benar, jujur, tepat dan rasional, penyakit dan kelemahan sekolah aliran kebangsaan telah sering

diperkatakan. Kelemahan Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik umpamanya, bukanlah perkara baru.

Usaha mengubatnya pun terus dilakukan. Namun penyakit itu tidak juga mahu sembuh. Diagnosis doktornya tidak betul atau ubatnya tidak kena?

Maka sekarang Perdana Menteri mencuba ubat baru yang oleh sesetengah pihak dirasakan bagai racun yang amat pahit. Tindakannya betul-betul bagai

seorang doktor merawat pesakit yang parah dan tenat.

Politik pendidikan perkauman dan keagamaan masih menguasai kita

Aspek pembangunan sosial dan pendidikan, yang termasuk pendidikan kewarganegaraan, di negara kita ini jadi amat sukar. Ia menjadi isu politik perkauman dan keagamaan. Kata Abdullah Ahmad "The politics of education which preaches racial or religious exclusion" tidak ada tempat dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai rasa.

Namun politik pendidikan itulah yang sering menggugat dan menghalang pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Kita lihat penyelesaian aspek ini, juga sering bersifat politik - dipengaruhi oleh tuntutan dan kepentingan politik semasa.

Justeru sekolah Cina dan Tamil, misalnya, bukan berkurang, tetapi semakin berkembang. Dari peringkat rendah hinggalah ke kolej dan universiti. Ada persaingan sengit antara institusi pendidikan untuk Bumiputera dengan untuk Cina dan India. Hal ini tidak ada, dan bukanlah matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan, tetapi itulah yang berlaku di depan mata kita semua.

Ketika Dr Mahathir berhempas pulas dan diserang hebat oleh bangsanya kerana hendak meningkatkan mutu sekolah kebangsaan dan pelaksanaan dasar kebangsaan, Datuk Sammy Vellu dan Datuk Dr Ling Liong Sik bekerja keras mengembangkan institusi pendidikan masing-masing. Mengapa jadi begini?

Ketika Dr Mahathir diserang hebat oleh bangsanya kerana hendak meningkatkan mutu sekolah kebangsaan dan pelaksanaan dasar kebangsaan, Datuk Sammy Vellu dan Datuk Dr Ling Liong Sik bekerja keras mengembangkan institusi pendidikan masing-masing. Mengapa jadi begini?

Di samping itu, kita juga mengembangkan sekolah agama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Kita juga membenarkan sekolah agama swasta di samping

SAR. Perkembangan ini menjadi salah satu sumber politik keagamaan dalam pendidikan. Seinggalah tujuan baik untuk menamatkan korban anak-anak di SAR - yang telah dicuba bertahun-tahun pun - terus mendapat tentangan pihak-pihak yang katanya untuk kepentingan pendidikan Islam.

Ramailah pemimpin Umno yang menggaru kepala

Ada dua perkara yang hendak dikaji oleh jawatankuasa khas itu sudah pun

mulai dilaksanakan perubahannya. Pengajaran Sains dan Matematik dan SAR.

Seperti biasa, cepat sekali Dr Mahathir bertindak. Tiada tangguh-tangguh. Mesejnya: Kita tiada masa. Buat dulu, masalah boleh diatasi, kelemahan boleh diperbaiki. Kita kena berani menghadapi risiko dan sanggup

terus berusaha. Itulah sikap dan pendiriannya selama 21 tahun jadi Perdana Menteri. Ia tidak memilih jalan mudah dan popular, seperti halnya dengan tindakan menangani kemerosotan ekonomi dan krisis kewangan.

Walaupun pilihan raya umum sudah dekat. Pembangkang akan jadikan bahan

kempen, beliau laksanakan tugas juga. Anak-anak kita jangan dibiarkan jadi korban politik. Sikap ini menyusahkan banyak orang dan sentiasa mencabar keberanian dan kecekapan pemimpin kerajaan.

Maka pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sudah bermula awal tahun ini. Nampaknya beliau bersedia menghadapi pihak-pihak yang membangkang, kerana keyakinan bahawa langkah ini akan memberi faedah kepada generasi akan datang. Terserah kepada rakyat membuat pertimbangan.

SAR juga, sudah mula dikenakan perubahan. Dan seperti yang dijangka, telah menimbulkan kontroversi dan menjadi isu politik. Sekolah Menengah Agama (Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Negeri) dan sekolah agama swasta, belum diusik.

Beberapa tahun lalu - ketika Datuk Najib jadi Menteri Pendidikan - dibuat pengumuman: Kerajaan akan mengambil alih SAR. Ada bantahan dan rancangan ini mati begitu. Kali ini dilaksanakan tindakan penyerapan.

Langkah ini, meskipun baik untuk pelajar-pelajar yang selama ini mendapat pendidikan (ilmu dan ketrampilan) yang serba kurang - nampaknya tidak mudah dilaksanakan.

Bangkangan terus datang. Pasti akan mendapat tepuk sorak di rapat umum pembangkang. Ramai juga yang berpendapat masalah SAR elok kiranya ditangani dengan cara lain.

Lagi sekali Dr Mahathir bersedia untuk jadi tidak popular. Ramailah pemimpin Umno yang menggaru kepala. - (Ibu pejabat Kumpulan Amona, Kuala Lumpur - 10 Januari 03